Angka Giliran : ________________

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari / Mac 2003

# JUT 201 – Tamadun Islam dan Tamadun Asia I

Masa : 2 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini SEMBILAN BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Gunakan borang OMR yang disediakan.

Serahkan KESELURUHAN kertas peperiksaan ini dan borang OMR kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin .

1. Perkataan Islam berasal daripada Bahasa Arab S-L-M yang memberi erti seperti berikut **KECUALI**

   A. Al-salam
   B. Ta'abudi
   C. Suci
   D. Tunduk
   E. Patuh

2. Pengertian S-L-M di atas pada soalan 1 adalah menurut bahasa atau loghat. Dalam pengertian Agama perkataan Islam bermaksud

   A. kepatuhan kepada kehendak dan kemahuan Allah serta taat kepada hukumNya.
   B. kepercayaan, pegangan dan syariat serta akhlak
   C. pengabdian diri
   D. undang-undang dan syariat
   E. suatu cara hidup

3. Pengertian agama dari segi etimologi berasal daripada bahasa Sanskrit yang memberi erti

   A. tidak kacau
   B. cara hidup
   C. kepercayaan
   D. pegangan
   E. pengabdian

4. Wahyu yang agung adalah kehendak Allah yang digariskan di dalam

   A. Al-Hadith
   B. Al-Qur'an
   C. Hadith Qudsi
   D. Al-Athar
   E. Al-Sanad

5. Agama yang benar itu dinamakan Islam kerana ia :

   A. mengajar kepatuhan kepada Allah dan tunduk kepada perintahNya tanpa membantah
   B. mengandungi aqidah, syariat dan akhlak
   C. menghubungkan makhluk dengan pencipta dan dengan sesama makhluk
   D. sebagai sistem hidup yang lengkap
   E. menyelamatkan kehidupan insan

6. Alam dan seluruh makhluk selain daripada jin dan manusia mematuhi perintah Allah dalam bentuk

   A. Al-Ikhtiyariyah
   B. Al-Ijbari yah
   C. Al-Kauniyah
   D. tatawwu'an (sukarela)
   E. Al-Qadariyyah

7. "kedaulatan dan kawalan,
   undang-undang dan syariat,
   ketaatan dan penyerahan,
   ganti dan tebus,
   cara hidup dan peraturan tingkah laku"

   Petikan di atas adalah definisi al-Din menurut :

   A. Al- Maududi
   B. Abd. Kadir Audah
   C. Al-Mawardi
   D. Al-Sayuti
   E. Syed Qutb

8. Pilih pengertian yang tepat tentang Al-'Abdiyah dan Al-Ubudiyah.

   i. al-'Abdiyah boleh dinisbahkan kepada Allah dan makhluk
   ii. al-Ubudiyah hanya untuk Allah sahaja
   iii. al-'Abdiyah hanya untuk Allah sahaja
   iv. al-Ubudiyah boleh dinisbahkan kepada makhluk
   v. al-'Abdiyah boleh dinisbahkan kepada makhluk

   A. i dan ii
   B. i, ii dan iii
   C. ii dan v
   D. ii, iv dan v
   E. iii, iv dan v

9. Ubudiyah bagi manusia terbahagi kepada :

   i. Al-ubudiyah ikrahiyah (paksaan)
   ii. Al-ubudiyah tatawwu'iyah (sukarela)
   iii. Al-ubudiyah iktiyariah (pilihan)
   iv. Al-ubudiyah al-ijtimaiyah
   v. Al-ubudiyah al-mahdiyyah

   A. i dan ii
   B. ii dan iii
   C. ii dan iv
   D. iii dan iv
   E. iv dan v

10. " segala pekerjaan itu halal pada pandangan Islam,
    ia disertakan dengan niat yang baik,
    pekerjaan itu dilakukan dengan tekun dan teliti,
    menjaga batas-batas hukum Allah"

    Ungkapan di atas adalah :
    A. Syarat-syarat pemakanan halal
    B. Syarat-syarat sesuatu kegiatan dikira ibadah
    C. etika kerja dalam Islam
    D. peraturan ba'yah
    E. Semuanya tidak betul

11. Di antara berikut yang manakah merupakan hukum-hukum amali di dalam al-Qur'an?

    A. Hukum-hukum Ibadah dan muamalah
    B. Hukum-hukum jenayah
    C. Hukum-hukum munakahah
    D. Hukum-hukum siasah
    E. Hukum-hukum Ijtimaiyah

12. Di antara berikut yang manakah hukum yang berkaitan dengan harta kekayaan?

    A. siasah
    B. jenayah
    C. muamalah
    D. munakahah
    E. Ibadah

13. Hukum muamalah dalam al-Qur'an menurut undang-undang moden adalah seperti berikut **KECUALI**

    A. Hukum yang berhubung dengan peribadi
    B. Hukum tentang sifat-sifat yang baik dan buruk
    C. Hukum berhubung dengan harta kekayaan
    D. Undang-undang jenayah
    E. Undang-undang antarabangsa

14. Apakah yang menyebabkan ayat-ayat al-Qur'an dibukukan pada zaman Khalifah Abu Bakar?

    A. berlaku peperangan golongan murtad
    B. ramai penghafal al-Qur'an shahid dalam peperangan
    C. para pembacanya membuat kesilapan
    D. kaedahnya hilang
    E. tiada jawapan berkaitan

15. Pilih pernyataan yang tepat tentang Hadith Qudsi.

    A. Pengertian dan perkataan daripada Allah
    B. Maknanya (pengertian) daripada Allah dan perkataan daripada RasulAllah
    C. Semua daripada RasulAllah
    D. Pengertiannya daripada Allah dan praktikalnya daripada RasulAllah
    E. Semuanya tidak tepat

16. Apakah istilah yang merujuk kepada perbuatan, tindakan atau perkataan para sahabat Nabi Muhammad (S.A.W)?

    A. Hadith mawdu'
    B. Athar
    C. Fatwa
    D. Ijtihad
    E. Qias

17. Apakah maksud istilah sanad menurut perspektif ilmu hadith?

    A. pembaca hadith
    B. periwayat hadith
    C. pengumpul hadith
    D. salasilah para periwayat hadith
    E. hadith yang diriwayatkan

...6/-

18. Apakah maksud hadith-hadith mutawatir?

    A. hadith yang diriwayatkan oleh ramai para sahabat
    B. hadith yang diriwayatkan oleh seorang atau dua orang
    C. hadith yang diriwayatkan oleh para Tabi'in
    D. hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah sahaja
    E. hadith yang diriwayatkan oleh enam orang sahabat sahaja

19. Apakah mazhab yang meletakkan sunnah yang masyhur sama dengan status sunnah mutawatir?

    A. Mazhab Syafie
    B. Mazhab Ahmad Hambal
    C. Mazhab Iman Malik
    D. Mazhab Abu Hanifah
    E. Mazhab Syiah

20. Khalifah Omar bin Abd. Aziz mengarahkan agar pembukuan secara besar-besaran terhadap

    A. Al-Qur'an
    B. Al-Sunnah
    C. Sirah Nabawiyyah
    D. Tarikh Khulafat al-Rasyidin
    E. Undang-undang jenayah

21. Berikut adalah pengertian syari'ah **KECUALI**

    A. perkara-perkara yang berkaitan urusan kepercayaan dan pembinaan peribadi
    B. cara beribadat dan asas-asas kehidupan masyarakat
    C. undang-undang mengatur perhubungan antara hamba-hamba
    D. sistem Muamalat
    E. undang-undang sivil yang berkaitan dengan halal dan haram

22. Sheikhul hadith yang paling masyhur ialah:

    A. Al-Tormizi
    B. Ibn Majah
    C. Imam Malik
    D. Bukhari
    E. Al-Nasa'i

23. Apakah gambaran al-Qur'an tentang umat Islam?

    A. Ummatan A'liyatan
    B. Ummatan Wasatan
    C. Ummatan Darajatan
    D. Ummatan Hadhariyatan
    E. Ummatan Mutaqaddimatan

24. Sebaik-baik Muslim adalah orang yang paling baik dengan keluarganya. Ungkapan ini adalah daripada

    A. hadith RasulAllah (S.A.W)
    B. kata-kata ahli falsafah
    C. ucapan sahabat Nabi
    D. bidalan para Tabi'in (pengikut sahabat)
    E. kata-kata penyair Arab

25. Apakah maksud perkataan rujuk dalam sistem perkahwinan Islam?

    A. perceraian
    B. suami mengambil balik isteri dalam masa 'iddah
    C. bayaran yang dikenakan ke atas isteri yang meminta cerai daripada suami
    D. bayaran yang dikenakan ke atas suami kerana menceraikan isteri
    E. perceraian yang melebihi dua talaq

26. Sabda RasulAllah (S.A.W) yang bererti : "Bantulah mereka jika mereka meminta bantuan, tolong mereka jika mereka memerlukan pertolongan, simpatilah mereka dengan cara yang paling baik." Siapakah yang dimaksudkan dengan perkataan mereka dalam hadis di atas?

    A. anak yatim
    B. orang miskin
    C. jiran tetangga
    D. orang-orang yang ditimpa kesusahan
    E. ibu bapa

27. RasulAllah (S.A.W) pernah menggambarkan bahawa ada hak yang sangat diberi perhatian oleh Malaikat Jibril. Hak siapakah yang disebut di atas?

    A. dua ibubapa
    B. orang miskin
    C. orang dalam perjalanan
    D. jiran tetangga
    E. suami isteri

...8/-

28. Apakah tempoh penantian yang wajib oleh setiap wanita yang diceraikan oleh suaminya?

    A. nusyuz
    B. li'an
    C. raj'ah
    D. 'iddah
    E. dhirar

29. Setelah si suami menceraikan isteri, ia boleh merujuk kembali tanpa aqad semula

    A. semasa dalam 'iddah
    B. setelah selesai 'iddah
    C. selepas talaq tiga
    D. semasa dalam pembicaraan
    E. semasa dalam haidh

30. Apakah prinsip yang mesti dilaksanakan dalam sistem politik Islam?

    A. mudharabah
    B. musyakalah
    C. musyawarah
    D. musyarakah
    E. mutasyabihah

31. Apakah Sistem Kewangan Negara yang diwujudkan semasa Kerajaan Islam di bawah pimpinan RasulAllah (S.A.W) pada 622M di Madinah Munawarah?

    A. Bank Islam
    B. Bait al-Rahmah
    C. Bait al-Mal
    D. Bait al-Tuqa
    E. Bait al-Razi

32. "Dalam satu peperangan umat Islam telah mendapat kemenangan dengan mendapat harta rampasan yang banyak. RasulAllah (S.A.W) ingin membahagikan harta itu kepada orang-orang Ansar dan Muhajirin, tetapi orang Ansar mencadangkan agar harta itu dibahagikan kepada Muhajirin sahaja" Apakah peperangan tersebut?

    A. Bani Qainuqa'
    B. Bani Quraizah
    C. Uhud
    D. Bani Nadir
    E. Badar

33. Semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar, Institusi Kewangan Islam diuruskan mengikut jejak RasulAllah (S.A.W). Siapakah salah seorang sahabat yang telah menawar diri untuk mengurus institusi itu?

    A. Ali bin Abu Talib
    B. Omar bin Khattab
    C. Othman bin Affan
    D. Abu Ubaidah al –Jarrah
    E. Zaid bin Thabit

34. Berapakah baki wang dalam pembendaharaan negara yang tinggal semasa Khalifah Omar bin Khattab menjadi khalifah?

    A. 100,000 dinar
    B. 10,000 dinar
    C. 1,000 dinar
    D. 100 dinar
    E. 1 dinar

35. Institusi Kewangan Islam zaman awal Khalifah Omar menghadapi ketandusan. Seorang sahabat yang telah pulang dari Bahrain telah membawa harta rampasan bernilai 500,000 dirham. Siapakah sahabat berkenaan?

    A. Saad Abi Waqqas
    B. Abu Hurairah
    C. Ali bin Abu Talib
    D. Abu Ubaidah al-Jarrah
    E. Jaafar bin Abu Talib

36. Pada zaman siapakah instutisi kewangan Al Dawawain ditubuhkan?

    A. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq
    B. Khalifah Omar bin al-Khattab
    C. Khalifah Othman bin Affan
    D. Khalifah Ali bin Abu Talib
    E. Khalifah Muawiyyah Abu Suffiyan

37. Di antara kumpulan nama-nama berikut, yang manakah telah dilantik oleh Khalifah Omar untuk mentadbir institusi kewangan semasa pemerintahannya?

    A. Ali bin Abu Talib, Abu Ubaidah dan Zaid bin Thabit
    B. Othman Affan, Ali bin Abu Talib dan Mughirah bin Ab'Syu'bah
    C. `Uqail bin Abu Talib, Mukramah bin Nufal dan Jabir bin Muslim
    D. Mahmud bin Abu Bakar, Abu Hurairah dan Malik bin Dinar
    E. Akramah bin Abu Jahal, Usman bin Zaid dan Abdullah bin Omar

38. Pada zaman siapakah masjid merupakan tempat pembahagian harta zakat?

    A. Rasullullah dan Abu Bakar
    B. Othmaniyyah
    C. Bani Umaiyyah
    D. Bani Abbasiyyah
    E. Fatimiyyah

39. Sumber pendapatan Negara Islam pada zaman Rasullullah (S.A.W) adalah bergantung kepada

    i. harta rampasan perang
    ii. zakat
    iii. sedekah jariah
    iv. cukai kepala (jizyah)
    v. cukai perniagaan

    A. i dan ii
    B. i, iii dan iv
    C. iii dan iv
    D. ii dan iii
    E. iv dan v

40. Bait-Al-Mal zaman Khalifah Omar bin Khattab berpusat di

    A. Makkah al-Mukaramah
    B. al-Madinah al-Munawarah
    C. Taif
    D. Syam
    E. Baghdad

41. "Rasullullah (S.A.W) diutuskan untuk membawa petunjuk dan bukan untuk memungut cukai". Siapakah yang mengucapkan ungkapan di atas?

    A. Omar bin Khattab
    B. Muawiyah Abu Sufiyan
    C. Omar Abdul Aziz
    D. Ali bin Abu Talib
    E. Abu Bakar al-Siddiq

42. "Saya adalah seorang saudagar dan kamu telah menghabiskan masa saya dengan segala urusan kamu . Apakah pendapat kamu sama ada halal bagi saya daripada harta Bait al-Mal". Siapakah yang mengucapkan kata-kata tersebut?

    A. Khalifah Abu Bakar
    B. Khalifah Omar bin Khattab
    C. Khalifah Ali bin Abu Talib
    D. Khalifah Omar bin Abd. Aziz
    E. Khalifah Othman bin Affan

43. Berikut antara penggunaan Bait al-Mal **KECUALI**

    A. untuk membayar gaji
    B. untuk memperkukuhkan ekonomi Islam
    C. untuk perbelanjaan perang
    D. untuk membuka tanah dan mengeluarkan bahan-bahan mentah
    E. untuk menyakinkan keperluan asas

44. Apakah tindakan pertama yang dilakukan ialah Omar bin Abd. Aziz semasa dilantik menjadi khalifah?

    i. mengambil balik segala harta yang diselewengkan
    ii. memecat para menteri yang tidak amanah
    iii. mengumpul semula geran-geran tanah yang dirampas
    iv. melantik menteri-menteri baru
    v. mengambil segala barang kemas milik isterinya dan dimasukkan ke dalam Bait al-Mal

    A. i, ii dan iii
    B. ii dan iii
    C. iv dan v
    D. v sahaja
    E. iii dan iv

45. Apakah maksud Sistem Mudharabah?

    A. politik Islam
    B. kewangan Islam
    C. kehakiman Islam
    D. perkahwinan Islam
    E. jenayah Islam.

...12/-

46. Apakah istilah lain yang biasa digunakan terhadap Baitul al-Mal sejak penubuhannya?

    A. Hasil al-Dawlah
    B. Markaz al-Dawlah
    C. Amlak al-Dawlah
    D. Sunduq al-Dawlah
    E. Kunuz al-Dawlah

47. Apakah dua istilah dalam Bahasa Melayu yang digunakan yang berkaitan konsep dan pengertian tamaddun?

    A. kemajuan dan pembangunan
    B. maju dan membangun
    C. tamaddun dan peradaban
    D. peradaban dan kemajuan sains
    E. kemakmuran dan tamaddun

48. Apakah istilah tamadun yang diperkenalkan oleh Al-Farabi?

    A. al-Hadharah
    B. al-Madaniyah
    C. al-Imarah
    D. al-Islahiyyah
    E. al-Munawwarah

49. Siapa yang mengungkapkan Istilah Tamaddun lahir daripada Ad Din?

    A. al-Maududi
    B. Syed Muhammad Naqib
    C. al-Jurji Zaidan
    D. Ismail Faruqi
    E. Muhammad Hamidullah

50. Siapakah di antara sarjana Barat yang berikut yang terpengaruh kepada penggunaan istilah tamaddun?

    A. Marcel A. Boisard
    B. Carl Brown
    C. John Mecal
    D. Milton Coman
    E. Darcy Riberia

51. Apakah istilah-istilah yang telah diformulasikan oleh Ibn Khaldun dengan konsep tamaddun

    i. al-Hadharah
    ii. al-Bunyamin
    iii. al-Umran
    iv. al-Madaniyah
    v. al-Namiyah

    A. i dan ii
    B. i dan iii
    C. ii dan iii
    D. iii dan iv
    E. iv dan v

52. Di dalam sejarah yang manakah Istilah Madaniyah, umrah dan hadharah digunakan?

    A. Kesusasteraan Arab
    B. Islam
    C. Andalas
    D. Kerajaan Fatimiyah
    E. Islam Nusantara

53. "Cara berfikir yang mempengaruhi keseluruhan cara hidup yang meliputi aspek-aspek sosial, ekonomi, politik, kesenian, ilmu pengetahuan dan sebagainya" Di antara berikut yang manakah sesuai dengan pernyataan di atas?

    A. Tamaddun
    B. Thaqafah (kebudayaan)
    C. Pembangunan
    D. Kemajuan
    E. Pencapaian peradaban

54. Sejak bilakah para sarjana Barat mula membincangkan konsep tamadun?

    A. abad ke 15
    B. abad ke 17
    C. abad ke 18
    D. abad ke 19
    E. abad ke 20

55. Siapakah diantara sarjana Barat menyamaertikan ilmu ketamaddunan dengan *civilization.*

    i. Adam Metz
    ii. Marcel A. Boisard
    iii. John Labbock
    iv. John Smith
    v. Edward Menanara

    A. i dan ii
    B. ii dan iii
    C. iii dan iv
    D. iv dan v
    E. iii dan v

56. "*Civilization* dalam istilah bahasa Inggeris bererti keadaan bertamaddun, iaitu pencapaian kesempurnaan syarat-syarat sebagai sebuah organisasi sosial yang maju bersesuaian dengan sebuah bandar berbanding dengan penduduk desa. Siapakah yang mengungkapkan?

    A. Ismail al-Faruqi
    B. John Labbock
    C. Syed Muhammad Naqib
    D. Ibn Khaldun
    E. Ibn Taimiyah

57. Dalam Islam, tamaddun tidak boleh dipisahkan daripada agama malah ia adalah sebahagiannya. Siapakah sarjana Barat yang menghubungkaitkan tamaddun dengan agama?

    A. Franz Rosenthel
    B. Darcy Riberia
    C. Arnold Toynbee
    D. Clive Bell
    E. RedField

58. Tamaddun Timur seperti Cina dan India tidak dapat difahami tanpa merujuk kepada agama. Siapakah yang memberi kenyataan di atas?

    A. Arnold Toynbee
    B. Thomas Berry
    C. Edward Sullivan
    D. J. Jamier
    E. John Smith

59. Siapakah sarjana Islam pertama yang telah menyelidik serta membincangkan konsep tamaddun secara terperinci?

A. Ibn Khaldun
B. Ibn Battutah
C. Ibn Sina
D. Ibn Bajah
E. Ibn 'Abdi Rabbih

60. Ibn Khaldun telah memformulasikan konsep tamaddun di dalam bukunya Al-Muqaddimah dengan istilah

A. Ilm al-Umran
B. Ilm al-Hadharah
C. Ilm al-Ijtimaiyyah
D. Ilm al-Madaniyyah
E. Ilm al Adabiyyah

61. Apakah terjemahan yang tepat terhadap istilah 'ilm al-'Umrān

A. sains pembangunan
B. sains ketamaddunan
C. sains hayat
D. sains tulen
E. sains tradisional

62. Pilih pernyataan berikut yang pernah diungkapkan oleh Ibn Khaldun

A. Tamaddun tidak difahami tanpa merujuk kepada agama
B. Peranan Islam dalam pembinaan tamaddun orang-orang Islam tidak dapat dinafikan
C. Kepada umat Islam, tamaddun tidak boleh dipisahkan dengan agama
D. Ilmu pada umumnya sama ada tradisional atau moden dikira sebagai fenomena tamaddun
E. Semua pernyataan di atas bukan pernyataan Ibn Khaldun

63. Bilakah perbincangan tamaddun oleh sarjana Islam diadakan secara khusus?

A. abad ke 15
B. abad ke 20
C. abad ke 19
D. abad ke 16
E. abad ke 18

...16/-

64. Siapakah sarjana Islam abad ke 20 yang menyatakan bahawa tauhid adalah pemancar kepada tamaddun?

    A. Muhammad Rasyid Rida
    B. Muhammad Qutb
    C. Al-Maududi
    D. Sayyid Qutb
    E. Hassan al-Banna

65. Siapakah sarjana lain yang turut memberikan konsep yang sama tentang tauhid sebagai pemancar kepada tamaddun?

    A. Ibn Taimiyah
    B. Muhamad Abdul Wahab
    C. Ibn Qaiyum
    D. Syaikh Muhamad 'Abduh
    E Jamaluddin Al-Afghani

66. Tamaddun adalah satu jelmaan cara hidup yang dipandu oleh Syar'iah. Siapakah yang memberikan kenyataan tersebut?

    A. Sayyid Qutb
    B. Muhammad Abduh
    C. Al-Maududi
    D. Muhammad Asad
    E. Ali al-Madani

67. Apakah asas-asas tamaddun menurut Abdul Rahman Azzam?

    A. aqidah dan syariah
    B. al-Qur'an dan al-Sunnah
    C. syariah dan undang-undang
    D. keutuhan akhlak dan kerohanian
    E. kesusilaan dan keutuhan undang-undang

68. Apakah tamaddun yang turut mempengaruhi teori Astronomi Islam?

    A. Farsi
    B. India
    C. Greek
    D. Mesir Purba
    E. Eropah

69. Antara yang berikut, yang manakah yang mengandungi aqidah, syariah dan akhlak?

    A. ciri-ciri tamaddun Islam
    B. prinsip-prinsip tamaddun Islam
    C. ciri-ciri ekonomi Islam
    D. ciri-ciri siasah Islam
    E. ciri-ciri Negara Islam

70. Berikut adalah ciri-ciri al-Hadharah al-Islamiyah **KECUALI**

    A. al-Tauhid
    B. kedaulatan undang-undang Islam
    C. kesejagatan Islam
    D. kemuliaan insan dan ilmu
    E. keadilan sosial

71. Apakah matlamat Tamaddun Islam?

    A. Al-Falah
    B. Negara Islam
    C. Dakwah Islam
    D. Undang-undang Islam
    E. Keluarga Islam

72. Apakah tujuan kedatangan Islam ke seluruh alam?

    A. menghapus secara total tamaddun lama
    B. memaksa orang lain memeluk Islam
    C. mencipta tamaddun yang baru
    D. membentuk dan membina sebuah tamaddun Islam yang unik
    E. Semua kenyataan di atas tidak betul

73. Menjaga keselamatan negara, tubuh badan, menjaga akal, kehormatan diri, agama dan harta adalah merupakan sasaran utama prinsip-prinsip negara Islam **KECUALI**

    A. Undang-undang Islam
    B. Sistem Keluarga Islam
    C. Siasah Islam
    D. Ekonomi Islam
    E. Dakwah Islam

74. Apakah saranan Islam untuk mengawal hawa nafsu mereka?

A. menjaga peribadi
B. mematuhi undang-undang
C. berpuasa dan berkahwin
D. memakan makanan yang baik
E. mematuhi nasihat doktor

75. Apakah hukum-hukum yang dikecualikan terhadap orang-orang bukan Islam yang berada di bawah kerajaan Islam?

i. hukum perkahwinan
ii. hukum Qisas dan Hudud
iii. hukum makan minum
iv. hukum agama dan kepercayaan
v. hukum jenayah

A. i dan ii
B. i, iii dan iv
C. iii dan iv
D. ii dan iv
E. iv dan v

76. Berikut antara perkara-perkara penting yang diberi penekanan oleh al-Qur'an **KECUALI**

A. Pembacaan
B. Pengajaran
C. Pembelajaran
D. Pena
E. Pengetahuan

77. Tugas siapakah untuk mendirikan solat, melaksanakan zakat, menegak makruf dan mencegah kemungkaran?

A. seluruh umat Islam
B. sebahagian besar orang Islam
C. ketua negara Islam
D. para pendakwah
E. tugas para kadi dan hakim

78. Apakah dua unsur yang penting dalam sistem perekonomian dalam Islam?

    A. penjual dan pembeli
    B. urusniaga dan moral
    C. adil dan amanah
    D. toleransi dan percaya mempercayai
    E. kerjasama dan bantu membantu

79. Nabi Daud merupakan orang pertama yang menggunakan keindahan suara dengan iringan alat kecapi. Estetika Nabi Daud merangkumi beberapa perkara yang berkaitan dengan sifat Allah. Apakah perkara-perkara tersebut?

    i. Kecantikan
    ii. Keindahan
    iii. Kesempurnaan
    iv. Kejelitaan
    v. Kemuliaan

    A. i dan ii
    B. ii dan iii
    C. ii, iii dan v
    D. iii dan iv
    E. iv dan v

80. Siapakah insan yang pertama sekali menggunakan keindahan suara menurut kisah al-Qur'an?

    A. Nabi Yusuf
    B. Nabi Syuib
    C. Nabi Daud
    D. Nabi Zakaria
    E. Nabi Ibrahim

- ooo O ooo -